

Kanak-kanak dan Pendidikan Islam

Kita hendaklah memandang berat satu masalah yang sangat penting dalam kehidupan kita sebagai manusia umum, juga sebagai pengikut Junjungan kita Nabi Muhammad (S.A.W) khususnya. Masalah ini ialah masalah memberi didikan kepada anak-anak kita kaum Muslimin. Keadaan kita tidak akan berubah, malah kita terus akan terdicir dalam tanah air kita sendiri, dalam masyarakat yang sedang berkembang dan membangun, kalau kita masih juga berpaut kepada cara berfikir dan falsafah hidup yang bertentangan dengan ajaran Islam. Padahal falsafah Islam yang dinamik dan dapat pula membentuk hati berjiwa besar dan mulia, kuat dan tabah hati. Tidak akan tumbuh dengan suburnya melainkan dengan asas-asas pendidikan Islam yang diasuh ke dalam jiwa anak-anak semenjak dari kecil lagi.

(Oleh Miza, Kota Bharu, Kelantan)

Maju mundurnya sesuatu bangsa sebahagian besar bergantung kepada pelajaran dan pendidikan. Tidak ada satu bangsa pun dalam dunia ini yang telah maju, melainkan sesudah bangsa itu mementingkan pendidikan bagi kanak-kanak dan pemuda-pemudi mereka, sebagai contoh: cubalah kita perhati kepada bangsa Jepun, terkenal sebagai satu bangsa Timur yang sekarang ini begitu masyhur ke seluruh dunia dengan kepesatan kemajuannya yang sukar ditandingi dengan bangsa-bangsa lain mereka akan berkekalan dalam kegelapan dan kemunduran, kiranya mereka tidak mengubah cara pendidikan mereka, atau kiranya mereka tidak membenarkan dan membuka pintu negerinya untuk orang-orang cerdik pandai, untuk ahli-ahli ilmu pengetahuan dari luar datang memberi pelajaran dan pendidikan kepada pemuda-pemudi mereka, di samping itu juga mereka cuba berusaha menghantarkan pemuda-pemudanya ke luar negeri untuk mempelajari berbagai-bagai ilmu pengetahuan.

Sebaliknya pula bangsa Sepanyol yang dulunya menjadi satu bangsa yang masyhur dan terkenal dengan

kemajuannya, tetapi bangsa itu telah merosot dari bangsa yang baru muncul, akibat dari kecuaiannya dan ketidakambil berat mereka terhadap soal-soal pendidikan anak-anak bangsa mereka yang mana merekalah bakal pengganti cendekia yang ada pada masa itu.

Pendek kata tanpa memberi nilai-nilai yang wajar dan pandangan yang tinggi ke arah pendidikan terhadap anak-anak bangsa, sesuai dengan peredaran masa dan zaman, maka sudah barang tentu bangsa itu tertinggal ke belakang dari bangsa-bangsa lain yang lebih menitik beratkan pendidikan terhadap anak-anak bangsa mereka.

Maju mundurnya sesuatu bangsa itu tidaklah bergantung kepada Timur dan Barat, tidaklah bergantung kepada warna kulit, putih atau hitam. Tetapi bergantung kepada kesanggupan dan persediaan bangsa itu sendiri yang menjadi batu asas yang penting untuk melayakkan atau tidaknya mereka menduduki tempat yang wajar itu, dan batus asas ini pula perlu kepada pendidikan yang sempurna yang dapat diterima oleh generasi-generasi yang

sentiasa berganti-ganti pergi dan datang dari satu masa ke satu masa.

Kita umat Islam di hari ini tak harus berbangga dengan kejayaan yang dicapai oleh datuk nenek kita umat Islam yang dahulu, kita tak harus mendabik dan menepuk-nepuk dada lantaran ketinggian dan keagungan umat Islam yang lampau, tegasnya kita tak layak membuat hujah kepada bangsa lain dengan kejayaan umat Islam yang dahulu yang dapat mengibarkan panji-panji Islam ke segenap penjuru alam di zaman kekuatan mujahid-mujahid, pahlawan-pahlawan Islam yang gagah perkasa, tak bisa tumbang dan tak mudah menyerah kalah ke tangan musuh. Di zaman nur Islam memancar ke seluruh dunia, atau di zaman pengaruh Islam berkembang di Eropah dan Asia.

Kemajuan yang dicapai oleh umat Islam yang dahulu itu telah berlalu dari kita, telah meninggalkan kita, mereka telah mengisi masa dengan usaha-usaha yang cemerlang, amat berkesan dan besar ertinya kepada Islam. Tetapi hanya tinggal lagi kita pada masa ini, apakah kita berjaya melaksanakan seperti mereka itu? Apakah kita dapat mengembalikan keagungan

seperti itu? Ataukah kita hanya sebagai satu keturunan yang menerima warisan dan mempusakai hak-hak peninggalan mereka sahaja? Tanpa memberi satu kesan baru ke arah pembangunan bangsa dan agama kita.

Marilah kita sama-sama memikirkan dan memeriksa diri kita masing-masing, apakah kekurangan dalam diri kita dan kaum umat kita? Apakah kita mempunyai daya kekuatan dan kesanggupan seperti mana mereka yang dahulu itu?

Kaum Muslimin dahulu sanggup bermati-matian di medan perjuangan sanggup mengorbankan segala harta benda, bukan setakat itu sahaja, malah sanggup menggadai nyawa dari badan, alangkah besar dan tingginya pengorbanan mereka, alangkah cecal dan tabahnya hati mereka dalam menghadapi angkara yang durjana semata-mata dengan tujuan untuk meninggikan syiar Islam. Patutlah mereka menerima janji kebahagiaan dari Tuhan baik dunia mahupun di Akhirat kelak. Apakah kaum kita sekarang sudah atau belum berusaha seperti mereka itu?

Umat Muslimin dahulu mempunyai pakar-pakar dalam berbagai ilmu pengetahuan. Mereka mempunyai ahli-ahli agama, ahli-ahli fikir, jaguh-jaguh politik yang handal, pahlawan-pahlawan yang berjiwa besar, penuh dalam dada dengan keimanan dan semangat yang teguh dengan keyakinan terhadap agama, sentiasa menjunjung perintah Allah dengan ikhlas dan khusyuk, sepanjang malam beribadah kepada Tuhan. Sehari siang pula selalu tentera-tentera Allah yang berani berjuang dan sanggup bermati-matian kerana semata-mata mencari keredaan Tuhan jua. Kita hendaklah sama-sama menginsafi, bahawa segala kesanggupan


seperti itu tidak akan tercapai selagi mana tidak ditanam dan diberi didikan yang bersungguh-sungguh dan sempurna kepada anak-anak kita, tidak dibaja dan dijirus dengan secukup-cukupnya.

Memberi pelajaran dan didikan kepada kanak-kanak, pemuda-pemudi, adalah menjadi satu masalah yang sangat penting yang mesti dipikul oleh seluruh masyarakat kita. Terutama sekali bagi kaum-kaum ibu, sebagai tugas ibu, berkewajipan membentuk peribadi dan mendidik anak-anak mereka yang sentiasa berkehendakkan kepada ilmu pengetahuan dan tunjuk ajar yang membina. Disertai pula dengan galakan-galakan yang luas kepada mereka.

Segala usaha-usaha itu tidak dapat seorang pun melaksanakannya dengan jaya. Tidak dapat memberi kesan yang lebih cepat dan segera untuk mengisi jiwa kanak-kanak itu supaya benar-benar berjiwa Islam melainkan dengan didikan dan pimpinan dari kaum-kaum ibu sahaja.

Selain dari itu memberi pelajaran kepada kanak-kanak adalah menjadi tugas yang sangat berat bagi ibu

bapa, kepada mereka berdua tertanggungnya nasib kanak-kanak mereka di masa depan. “Tiap-tiap kanak-kanak yang dilahirkan adalah suci, maka kedua-dua ibu bapalah yang menjadikan mereka seorang Majusi, Nasrani atau Yahudi”. Demikianlah pesanan Rasulullah kepada kita kaum Muslimin khususnya, supaya mereka itu benar-benar mengambil berat dan berhati-hati pada memberi didikan bagi kanak-kanak mereka dan supaya memberi didikan yang secukupnya kepada mereka. Janganlah sekali-kali mereka memandang acuh tak acuh atau dengan keadaan lepas taksir sahaja. Bahkan masalah ini hendaklah dipandang sebagai soal pokok, atau soal hidup mati mereka sendiri. Selain dari itu hendaklah juga tiap-tiap anggota masyarakat sama-sama bertanggungjawab dengan sepenuh-penuhnya. Semoga dengan itu akan lahir generasi-generasi Islam yang benar-benar terpelajar dan beramal, selaras dengan kehendak masa dan zaman supaya menjadi satu barisan organisasi baru yang benar-benar mempertahankan Islam dan memelopori seruan suci itu.



Satu rombongan terdiri dari enam orang pegawai Jabatan Perkara Luar Filipina telah melawat Kuala Lumpur pada bulan Disember 1966 lalu.